



BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM  
JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

**KENYATAAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dari CIDB, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dari CIDB dan **Sijil Taraf Bumiputera** dari BPKU yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:

BIL	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	HARGA BORANG SEBUTHARGA	TEMPAT DAN TARIKH BORANG DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1.	Membina Baru Dewan Orang Ramai Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Peragap, Kerdau, MP Temerloh. (MPT:S-4/2018)	RM 80.00	Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh	Gred G2 Kategori CE	Tiada	22.03.2018 (Khamis) Jam 12.00 tengahari
2.	Membina Baru Dewan Orang Ramai Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Guntong Kelibang, Kerdau, MP Temerloh. (MPT:S-5/2018)	RM 80.00	15.03.2018 - 22.03.2018 ( Pada waktu pejabat )	Pengkhususan, CE21		

2. Borang Sebutharga boleh dibeli di **Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh**, waktu pejabat bermula **15.03.2018**.
3. Kontraktor yang berminat hendaklah mendapatkan borang sebutharga dengan hadir sendiri serta membawa sijil Asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)** & **Sijil Taraf Bumiputera (BPKU)** semasa membeli borang sebutharga.
4. Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau kiriman wang pos sebanyak sepertimana di atas dan atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Temerloh**. Bayaran ini tidak dikembalikan.
5. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis tajuk kerja di sudut kiri atas dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **di Tingkat 5, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh** pada **22.03.2018 (Khamis)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
6. Sebarang Kelewatan menghantar borang sebutharga **melebihi** Jam **12.00 Tengahari** tidak akan dilayan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

  
(HAJI MUHAMAD BIN MOHD. NOR, AMP.)  
Ketua Jabatan Kejuruteraan,  
b.p Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Temerloh.

- s.k i) YH. Dato' Yang Dipertua, MPT - Untuk makluman  
ii) Ketua Bahagian Sistem Maklumat - Untuk dimasukkan ke dalam laman web MPT

Bertarikh : **14 Mac 2018**